

Soalan Lazim (FAQ) e-Invois BSN

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah itu e-Invois?	e-Invois ialah transaksi digital antara BSN dengan pelanggan/pembekal/vendor, yang memerlukan pengesahan daripada pihak LHDN sebelum pengeluaran e-Invois. e-Invois bertujuan bagi menggantikan dokumen kertas invois fizikal/dicetak, nota kredit, nota debit dan nota bayaran balik.
2	Apakah perbezaan antara e-Invois dan penyata sedia ada yang disediakan oleh Bank?	e-Invois hendaklah disahkan oleh pihak LHDN & bukti pengesahan boleh dibuat melalui kod QR yang dilampirkan pada e-Invois PDF yang akan dikongsi dengan pelanggan.
3	Adakah saya masih dibenarkan untuk terus menuntut potongan cukai / pelepasan cukai peribadi tanpa e-Invois?	Anda boleh terus menuntut potongan cukai atau pelepasan cukai peribadi menggunakan dokumentasi sedia ada sehingga undang-undang dipinda / dilaksanakan.
4	Adakah e-Invois akan menggantikan penyata sedia ada yang disediakan oleh Bank?	Tiada perubahan kepada penyata yang dikeluarkan oleh Bank.
5	Adakah e-Invois hanya terpakai untuk transaksi di Malaysia?	e-Invois tidak terhad hanya kepada transaksi di dalam Malaysia. Ia juga terpakai untuk transaksi rentas sempadan. Anda boleh merujuk kepada laman web e-Invois LHDN di https://www.hasil.gov.my/e-invois/rujukan-pelaksanaan-e-invois/garis-panduan/ untuk maklumat lanjut.
6	Siapakah yang akan menerima e-Invois daripada Bank?	Berkuat kuasa 1 Januari 2026, e-Invois akan dihantar kepada pelanggan sekiranya nilai satu transaksi dengan Bank seperti yuran, caj, faedah yang dibayar/diterima melebihi RM10,000, seperti yang dimandatkan oleh LHDN. Untuk satu transaksi dengan nilai RM10,000 atau kurang, e-Invois akan kekal tersedia kepada pelanggan jika mereka telah memberikan maklumat yang lengkap dan tepat kepada Bank dan memilih untuk e-Invois.
7	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya?	Anda boleh mendapatkan TIN berdaftar anda melalui kaedah berikut: • Log masuk ke Portal MyTax anda • Hubungi Pusat Perhubungan HASiL di 03-8911 1000 • Cari TIN anda dari menu e-Daftar yang terletak di halaman utama Portal MyTax • Lawati pejabat LHDN terdekat
8	Berapa kerap saya akan menerima e-Invois?	E-Invois akan dikeluarkan mengikut penyata bulanan/tahunan anda.

9	Saya telah mengemas kini maklumat e-Invois saya, seperti TIN dengan Bank. Mengapa saya tidak menerima e-Invois?	Bank hanya boleh mengeluarkan e-Invois kepada pelanggan yang telah memberikan butiran lengkap dan tepat. Adalah penting untuk memastikan maklumat peribadi anda yang sedia ada, seperti alamat surat-menyurat, alamat emel dan nombor telefon anda, dikemas kini dengan Bank untuk menerima e-Invois anda. Sila kunjungi cawangan terdekat untuk mengemaskini maklumat anda.
10	Jika saya meminta untuk menerima e-Invois dan mengemas kini maklumat saya pada Januari 2026, bolehkah saya meminta e-Invois untuk bulan-bulan sebelumnya?	Anda tidak boleh meminta atau menerima e-Invois untuk transaksi bulan sebelumnya dengan Bank. Bank hanya akan mengeluarkan e-Invois anda mulai bulan berikutnya jika maklumat anda dengan Bank adalah lengkap dan tepat.
11	Bagaimanakah saya boleh membuat permohonan e-Invois?	Anda boleh membuat permohonan e-Invois melalui laman rasmi BSN di https://einvoice.bsn.com.my
12	Tempoh masa untuk pengeluaran e-Invois selepas permohonan dihantar?	e-Invois akan dikeluarkan setelah pihak Bank membuat penghantaran maklumat ke LHDN iaitu pada setiap 3hb bulan berikutnya.
13	Bagaimanakah cara untuk saya menerima e-	e-Invois akan dihantar melalui emel.
14	Siapa patut saya hubungi sekiranya saya menghadapi sebarang masalah berkenaan e-Invois?	Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan e-Invois, sila hubungi kami melalui emel di e-invoice@bsn.com.my .